

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBrs. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
KEMPEN KAMPUS SEJAHTERA
MINGGU PEDULI KESELAMATAN (MPK)
UiTM CAWANGAN SELANGOR

5 JULAI 2025 | SABTU | 11.00 PAGI
GOOGLE MEET

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN

**WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Prof. Dr. Norazmir Md Nor

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

UiTM Cawangan Selangor

Barisan Pengetua Kolej Kediaman dan Non Residen

Pengarah Program Kempen Kampus Sejahtera

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar dan Sekretariat
Majlis Perwakilan Pelajar

Seterusnya, mahasiswa dan mahasiswi yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM DiHatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama di dalam talian ini bagi menjayakan program **Kempen Kampus Sejahtera** sempena **Minggu Peduli Keselamatan (MPK)**.
2. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)**, dengan kerjasama **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)** dan **Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar (SMPP)**, serta **Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Selangor** atas usaha dan komitmen dalam

merealisasikan kempen ini dengan penuh dedikasi dan komited.

3. Kempen Kampus Sejahtera ini bukanlah sekadar medan pertandingan dan penyampaian hadiah semata-mata, sebaliknya ia diharapkan dapat menjadi medium yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar terhadap kepentingan aspek keselamatan sepanjang berada di kampus.

4. Melihat kepada pengisian program yang dimulakan dengan pertandingan video di platform TikTok berkaitan keselamatan di kampus, disusuli dengan podcast Lentera UCS dan diakhiri dengan forum keselamatan 'Nadi Kesejahteraan Kampus', saya percaya kempen ini telah berjaya mencapai objektif utamanya, iaitu meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan aspek keselamatan di kolej.

5. Sempena penganjuran Minggu Peduli Keselamatan (MPK) ini, saya ingin menyeru seluruh warga kampus agar sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan dalam setiap urusan harian.
6. Kolej kediaman merupakan tempat tinggal utama bagi kebanyakan pelajar sepanjang tempoh pengajian, justeru keselamatan di sini amat penting untuk menjamin suasana yang selesa, harmoni dan bebas daripada sebarang risiko bahaya.
7. Keselamatan bukanlah tanggungjawab individu semata-mata, tetapi merupakan komitmen bersama demi mewujudkan persekitaran yang selamat, harmoni dan sejahtera.
8. Marilah kita jadikan keselamatan sebagai budaya dan tanggungjawab bersama. Setiap langkah

berjaga-jaga hari ini, adalah pelindung kepada masa depan kita semua.

9. Di kesempatan ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua pelajar, khususnya pengarah program, serta barisan pengetua dan staf residensi kolej atas komitmen dan kesungguhan bagi menjayakan program ini.

10. Saya berharap agar inisiatif seperti ini dapat diteruskan dan diperkasa dari semasa ke semasa bagi memberi impak yang berterusan kepada seluruh warga kampus.

11. Semangat kerjasama yang ditunjukkan ini wajar diteruskan dan diperkukuh agar menjadi asas kepada lebih banyak pencapaian gemilang pada masa hadapan.

Suasana damai di kolej tercinta,
Ingat selalu pesan kebaikan,
Jangan diabai peraturan yang ada,
Agar selamat sepanjang penginapan.

12. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim,
saya dengan sukacitanya merasmikan **Kempen
Kampus Sejahtera** sempena Minggu Peduli
Keselamatan bagi tahun 2025.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

**Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**